



Kaedah Pengambilan Sampel

Semasa penghasilan asphalt, ujian Marshall dan analisis seperti dalam Klausa 4.3.3.3 (a) bersama-sama analisis gredan aggregate dan kandungan bitumen perlu dilakukan bagi setiap 200 tan penghasilan asphalt dan sekurang-kurangnya sekali bagi setiap sesi penurapan.

Pengambilan sampel dengan cara coring tidak sesuai untuk ujian Marshall stability dan flow. Ini kerana terdapat aggregate yang terpotong ketika sampel coring diambil. Kaedah yang paling sesuai adalah dengan mengambil sampel asphalt terus dari lori.

1.0 Objektif

Untuk mengambil sampel asphalt dari lori dengan cara yang betul.

2.0 Prosedur

- Bagi wearing course (saiz aggregate ≤ 20 mm), scoop 3 sampel.
- Bagi binder course (saiz aggregate > 20 mm), scoop 4 sampel.
- Scoop 100 mm di bawah permukaan.
- 3 atau 4 scoop dari lokasi berbeza di atas lori dan tidak kurang 300 mm dari tepi badan lori.
- Setiap scoop minimum 7 kg sampel.

Asphalt	Berat Minimum Sampel (kg)
Saiz aggregate > 20 mm	24
Saiz aggregate ≤ 20 mm	16

Jadual 2: Berat minimum sampel mengikut saiz aggregate.

- Sampel yang telah sejuk perlu dipanaskan semula sebelum digaul dan dibahagikan untuk menyediakan sampel yang lebih kecil untuk dibuat ujian.
- Jangan panaskan sampel melebihi 4 jam bagi mengelak hilangnya bahan yang mudah meruap dari bitumen.



3.0 Gambar Prosedur Pengambilan Sampel Asphalt



Sampel asphalt diambil dari lori.



Scoop 100 mm di bawah permukaan.